

19 JUN 1999

Umno-Bahas (Sokong)

DR MAHATHIR TERIMA SOKONGAN SEBULAT SUARA TERUS TERAJUI UMNO

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Kira-kira 2,000 anggota perwakilan yang menghadiri Perhimpunan Agung Umno di sini hari ini memberikan sokongan sebulat suara kepada presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk terus menerajui kepemimpinan parti.

Sokongan itu diperolehi apabila wakil Perak, Datuk Ramly Zahari, meminta izin Pengerusi Tetap parti, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah, untuk menjalankan undian secara mengangkat tangan bagi mengetahui sekiranya ada perwakilan yang mahukan Dr Mahathir berundur.

Dalam undian itu, bagaimanapun, terdapat seorang anggota perwakilan yang mengangkat tangan tetapi kemudian disahkan oleh Pengerusi Tetap bahawa perwakilan itu tersilap mengangkat tangan dan tidak berniat meminta Dr Mahathir berundur.

Berikutan sokongan sebulat suara itu, Ramly meneruskan ucapannya dengan berkata: "Datuk Seri, pimpinlah kami, kami tetap (bersedia) menjadi Gurkha yang setia dan berani.

"Kasih sayang kami kepada Datuk Seri tiada tolok bandingnya seperti yang telah diungkapkan dalam senikata lagu Hindustan yang dipetik dari filem Bobby iaitu "Pyar Ni Sauda Nahin" yang bermaksud kasih sayang tidak boleh dijual beli," katanya ketika membahaskan usul ucapan dasar presiden di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Ramly berkata kepimpinan Dr Mahathir masih diperlukan oleh semua pihak khususnya orang Melayu dan Islam terutamanya dalam pembinaan tamadun bangsa.

"Kepimpinan Dr Mahathir amat diperlukan, tambahan pula di saat-saat kita akan melangkah ke abad 21 yang menjanjikan pelbagai cabaran dan saingan yang menyeramkan," katanya disambut dengan tepukan gemuruh para perwakilan.

"Di sini saya nak berikan sedikit teguran kepada Datuk Seri Presiden, janganlah keluarkan lagi perkataan nak berhenti, sekali keluar perkataan itu gelisah kami-kami di bawah ini.

"Golongan yang suruh berhenti itu adalah golongan yang hendak tempat itu (jawatan Perdana Menteri). Persetankan (mereka) Datuk Seri," katanya.

--BERNAMA

NY NAK